

**PENGHASILAN DAN PENILAIAN VIDEO DOKUMENTARI PENDIDIKAN  
BAGI SUBJEK PENCUKAIAN MALAYSIA 2 - SATU KAJIAN DI  
POLITEKNIK-POLITEKNIK MALAYSIA YANG TERPILIH.**

**MOHD SHABRI BIN HASSAN**

**Projek Sarjana Ini Dikemukakan Sebagai Memenuhi Syarat Penganugerahan  
Sarjana Pendidikan Teknik Dan Voaksional**

**Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional  
Fakulati Teknologi Kejuruteraan  
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn**

**SEPTEMBER 2003**



**PTTA ALITHM**  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

***Bingkisan Dari Hati Untuk Kalian***

*Kasih Sayang Tidak Terhingga Buat...*

***Allahyarham Ayahanda Hassan Bin Daud***

***Dan Bonda Rakiah Bt Yusof.***

*Pengorbanan dan kasih sayang yang diberikan akan dikenang sepanjang hayat.*

*Kajayaan ini buat Abah dan Mak...*

*Buat Yang Diingati Dan Teristimewa...*

***Tunang Tercinta Nadiyah Bt. Muhammad Madhiyah***

*Kasih sayangmu tiada tolok bandingnya. Dikau yang terbaik dan teristimewa dan sentiasa memberi dorongan terhadap kejayaan ini...*

*Buat Yang Diingati..*

***Kakak-Kakakku, Abang Lie, Adik-Adikku Dan Anak-Anak Saudaraku***  
*yang sentiasa dalam ingatan, doa kalian banyak membantu kejayaanku, kejayaanku adalah kejayaan kalian jua..*

*Dan untuk...*

***Kawan-kawan serumah... Mat, Sham, Ayie, Hafzi, Sedi, Mazrul, Helmi***  
*dan rakan seperjuangan.*

*Kenangan bersama kalian akan dikenang selamanya..*



PTTA  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## PENGHARGAAN

Syukur kehadiran Illahi kerana dengan limpah dan kurnianya, maka projek sarjana ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan ribuan terima kasih kepada penyelia projek sarjana, Encik Mohd Akbal Bin Abdullah di atas segala ilmu, nasihat, idea dan serta dorongan yang telah diberikan sepanjang menjalankan penyelidikan ini.

Dikesempatan ini juga, terima kasih tidak terhingga diucapkan kepada Cik Intan Shairah Bt Che Din, pensyarah mata pelajaran pencukaian malaysia 2, POLIMAS yang telah memberikan kerjasama bagi menjalankan penyelidikan ini. Terima kasih juga buat pelajar-pelajar semester akhir Diploma Akauntaansi, POLIMAS di atas kerjasama yang diberikan.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada pensyarah-pensyarah Jabatan Pendidikan Teknik Dan Vokasional, KUiTTHO di atas segala ilmu yangtelah dicurahkan. Akhir sekali penghargaan ini ditujukan kepada semua pihak yang terlibat di dalam menjayakan penyelidikan ini sama ada secara langsung atau tidak langsung.

Semoga semuanya diberkati oleh Allah s.w.t hendaknya... Inshaallah.

## ABSTRAK

Kajian ini dijalankan untuk menilai keberkesanan ke atas penghasilan video dokumentari pendidikan bagi subjek pencukaian malaysia 2 (P513). Kajian ini akan meninjau kepada penghasilan video dokumentari pendidikan yang dapat membantu di dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar serta dapat memberikan kefahaman kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka. Sampel diambil daripada pelajar Diploma akauntansi semester 6, POLIMAS. Kaedah soal selidik digunakan untuk menjalankan kajian ini dan di analisis dengan menggunakan perisian “*Statistical Package for Social Science*” (SPSS). Hasil dapatan kajian menunjukkan Video Dokumentari pendidikan yang telah dihasilkan mencapai objektif yang telah ditetapkan dimana min skor bagi objektif yang pertama ke atas penghasilan video dokumentari yang dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar ialah 3.94 dan objektif kedua pula video dokumentari yang dihasilkan dapat memberi kefahaman kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka ialah 3.82.

## ABSTACT

The aim of this study is to examine the effectiveness of Education Documentary Videoclip for subject "*Pencukaian Malaysia 2*" (P513). This study will help into the process of learning and to understand the subject. The sample of this study were diploma student of the sixth semester of POLIMAS. Questionnaires have been used in this study as the method to collect response from the respondent and all the data have been analyze using "*Statistical Package for Social Science*" (SPSS). The finding show that the documentary videoclip help in the learning activities. The mean score for this objectives is 3.94. the finding also show that the documentary videoclip helps the student to understand more about the subject. The mean score for this objectives is 3.82.



PTTRAKUIM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUNJ AMINAH

## ISI KANDUNGAN

<b>BAB</b>	<b>PERKARA</b>	<b>MUKA SURAT</b>
	<b>PENGESAHAN PENYELIA</b>	<b>i</b>
	<b>HALAMAN JUDUL</b>	<b>ii</b>
	<b>PERAKUAN PELAJAR</b>	<b>iii</b>
	<b>DEDIKASI</b>	<b>iv</b>
	<b>PENGHARGAAN</b>	<b>v</b>
	<b>ABSTRAK</b>	<b>vi</b>
	<b>ABSTRACT</b>	<b>vii</b>
	<b>ISI KANDUNGAN</b>	<b>viii</b>
	<b>SENARAI JADUAL</b>	<b>xii</b>
	<b>SENARAI RAJAH</b>	<b>xiii</b>
	<b>SENARAI SINGKATAN</b>	<b>xiv</b>
	<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	<b>xv</b>
<b>I</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>1</b>
	1.1 Pendahuluan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	3
	1.3 Penyataan Masalah	5
	1.4 Persoalan Kajian	7
	1.5 Objektif Kajian	7
	1.6 Kerangka Teori	8
	1.7 Kepentingan Kajian	10
	1.8 Batasan Kajian	10
	1.9 Definisi Istilah	11
<b>II</b>	<b>SOROTAN KAJIAN</b>	<b>13</b>
	2.1 Pendahuluan	13

2.2	Penggunaan Teknologi dalam Pendidikan	14
2.3	Kepentingan Media Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran	17
2.4	Pengaplikasian Aspek Pedagogi Dalam Penggunaan Bahan Media	18
2.5	Penggunaan Video Sebagai Alat Pembelajaran	20
2.6	Penggunaan Elemen Audio Dalam Video	23
2.7	Penggunaan Elemen Visual Dalam Video	25
2.8	Kesimpulan	27
<b>III</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	<b>29</b>
3.1	Pendahuluan	29
3.2	Reka Bentuk Kajian	29
3.3	Prosedur Kajian	30
3.4	Responden Atau Sampel Kajian	32
3.5	Sumber Data	33
3.6	Instrumen Kajian	35
3.7	Kajian Rintis	37
3.8	Pengumpulan Data	38
3.9	Kaedah Analisis Data	39
3.10	Andaian	40
3.11	Batasan Kajian	41
3.12	Penutup	42
<b>IV</b>	<b>REKABENTUK PROTOTAIP PRODUK</b>	<b>43</b>
4.1	Pendahuluan	43
4.2	Penghasilan VCD	44
4.3	Matlamat Penghasilan VCD	44
4.4	Objektif Penghasilan VCD	45
4.5	Kerangka Teori Penghasilan Produk	46
4.6	Kronologi Pembinaan Produk	47
4.7	Langkah-Langkah dalam Proses Penerbitan Video	50
4.8	Elemen dalam Penghasilan Video	51
4.9	Kandungan VCD	51



	4.9.1 Skrip Video Dokumentari	53
	4.10 Jadual Kerja Penghasilan Produk	68
	4.11 Sasaran Penggunaan VCD	69
	4.12 Kegunaan VCD	69
	4.13 Batasan VCD	69
	4.14 Kelebihan VCD	70
	4.15 Penutup	70
<b>V</b>	<b>ANALISIS DATA DAN DAPATAN KAJIAN</b>	<b>71</b>
	5.1 Pengenalan	71
	5.2 Pengumpulan Sampel Dan Responden	72
	5.3 Latar Belakang Respondan	73
	5.3.1 Jantina	73
	5.3.2 Aliran Semasa Sekolah Menengah	74
	5.4 Analisis terhadap penilaian video dokumentari pendidikan yang dihasilkan ke atas proses pengajaran dan pembelajaran.	75
	5.5 Analisis terhadap persepsi pelajar terhadap cara penggunaan video dokumentari pendidikan bagi subjek Pencukaaian Malaysia 2.	79
	5.6 Analisis Terhadap Ciri-Ciri Video Dokumentari Pendidikan memudahkan pelajar memahami subjek pencukaaian Malaysia.	81
<b>VI</b>	<b>PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>84</b>
	6.1 Pengenalan	84
	6.2 Perbincangan	85
	6.3 Kesimpulan	87
	6.3.1 Penilaian video Dokumentari Pendidikan yang dihasilkan dapat membantu proses pengajaran dan pembelajaran.	88
	6.3.2 Penilaian video Dokumentari Pendidikan bagi subjek Pencukaaian Malaysia 2 yang dihasilkan dapat memberikan kefahaman	88





	kepada pelajar.	
6.4	Cadangan	89
6.4.1	Jabatan Pendidikan Teknikal dan Vokasional	89
6.4.2	Pensyarah Politeknik	89
6.4.3	Pelajar Politeknik	90
6.4.4	Cadangan Berkaitan Kajian Lanjutan.	90
	<b>RUJUKAN</b>	<b>91</b>
	<b>LAMPIRAN</b>	<b>94</b>



### SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Nilai Skor Berdasarkan Darjah Persetujuan	36
3.2	Jadual Tafsiran Min	40
5.1	Taburan Responden Mengikut Jantina	73
5.2	Taburan Responden Mengikut Aliran Semasa Sekolah Menengah	74
5.3	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Bahagian I Proses Pengajaran Dan Pembelajaran.	75
5.4	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Bahagian II Cara Penggunaan.	79
5.5	Skor Min dan Sisihan Piawai Bagi Bahagian III Ciri-ciri Video Dokumentari Pendidikan.	81



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

## SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
1.1	Kerangka Teori	9
2.1	Elemen-elemen Audio	24
2.2	Elemen-elemen Visual	26
3.1	Kerangka Operasi Untuk Prosedur Kajian	31
4.1	Kerangka Penghasilan Produk	46
4.2	Kronologi Pembinaan Produk	47
4.3	Langkah-langkah Dalam Proses Penerbitan Video	50
4.5	Carta Gant Jadual Kerja	68
5.1	Taburan Terhadap Skop Isinya Memenuhi Keperluan Sukatan Pelajaran.	76
5.2	Penggunaan VCD Sesuai Dengan Tahap Pelajar.	77
5.3	VCD Dapat Membangunkan Dan Mengekalkan Minat Pelajar.	82



PTTHM  
PERPUSTAKAAN TUNJ AMINAH

**SENARAI SINGKATAN**

ABBM	-	Alat Bahan Bantu Mengajar
CD	-	Compact Disk ( Cakera Padat )
VCD	-	Video Compact Disk ( Cakera Padat Video )
POLIMAS	-	Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, Jitra, Kedah Darul Aman.
P&P	-	Pengajaran dan Pembelajaran
SPSS	-	Statistical Package For Social Science



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	TAJUK
A	Borang Soal Selidik
B	Keputusan Alpha Cronbach Kajian
C	Borang Pengesahan Pensyarah
D	Manual Produk



PTTA UTHM  
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

## BAB I

### PENGENALAN

#### 1.1 Pendahuluan

Pendidikan negara telah banyak mengalami perubahan. Selaras dengan perkembangan teknologi, arus pendidikan negara turut berubah kepada kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih canggih dan terkini. Sistem pendidikan perlu bergerak seiring dengan kemajuan teknologi. Justeru, penggunaan alat-alat elektronik dan komunikasi amatlah penting dalam bidang pendidikan. Sistem pembelajaran secara tradisional perlulah diadun dengan penggunaan teknologi media dalam usaha meningkatkan minat, pemahaman dan ingatan para pelajar. (Yusup Hashim, 1998) berpendapat teknologi media jika digunakan bersama pengajaran ala tradisional akan meningkatkan proses pembelajaran.

Teknologi pendidikan memainkan peranan yang penting dalam mempelbagaikan proses pengajaran dan pembelajaran yang menyeluruh. Teknologi pendidikan merupakan suatu proses yang sistematik ke arah pembangunan produk yang boleh

membantu menghasilkan suatu persekitaran pengajaran dan pembelajaran yang efisien dan efektif dengan melibatkan peringkat mereka bentuk, pelaksanaan dan pemilihan proses pengajaran dan pembelajaran yang merangkumi pelbagai peralatan dan sumber (Baharuddin *et al*,2000).

Pendidikan amat rapat dengan perubahan dalam bidang sains dan teknologi dengan adanya ciptaan-ciptaan baru dalam hampir semua bidang kehidupan. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran perlu berubah mengikut arus kemajuan teknologi terkini. Perkembangan dalam bidang teknologi menyebabkan ilmu lebih mudah didapati, disebar dan disimpan dalam bentuk multimedia. Perkembangan ini menjadikannya sebagai satu daya tarikan ke arah mewujudkan satu senario pembelajaran yang menyeronokkan (Ismail Zain, 2002). Dengan penggunaan VCD atau alat interaktif dan multimedia yang lain, pembelajaran pelajar akan lebih tepat kerana mereka dapat melihat dan mendengar perkara yang berkaitan dengan pelajaran mereka.

Terdapat pelbagai alat bahan bantu mengajar yang boleh digunakan oleh pendidik dalam menyampaikan maklumat kepada pelajar. Alat bantu mengajar boleh dibahagikan kepada dua jenis, iaitu media elektronik dan bukan elektronik. Salah satu kaedah pembelajaran secara elektronik ialah dengan menggunakan tayangan video dokumentari mengenai sesuatu subjek yang dipelajari. Tujuan penggunaan tayangan video ini adalah untuk meningkatkan minat pelajar dan membantu pelajar lebih memahami apa yang telah dipelajari.

Video dokumentari merupakan salah satu bahan pembelajaran yang mempunyai potensi yang baik untuk menarik perhatian pelajar semasa proses pengajaran dan pembelajaran dijalankan. Ini kerana, video berkebolehan menyampaikan mesej dan maklumat dengan berkesan. Video mempunyai kelebihan dari segi ulang tayang dengan cepat dan boleh dibuat dalam pelbagai versi bahasa. Selain itu, ia juga boleh digunakan untuk tujuan latihan secara langsung bagi merangsang perbincangan dan perdebatan serta menyalurkan ilmu pengetahuan dengan cara yang lebih mudah difahami, menarik dan merangsang pemikiran yang bermas.

## 1.2 Latar Belakang Masalah

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berkesan memerlukan tenaga pengajar yang komited terhadap tugasnya dan pelajar yang berminat terhadap apa yang dipelajari. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang menarik akan menarik minat pelajar untuk mendapatkan ilmu pengetahuan dengan lebih berkesan. Mengikut Ismail Zain (2002), kecemerlangan pelajar dikaitkan dengan kecemerlangan sekolah manakala kecemerlangan sekolah dilihat dari kecemerlangan guru. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang lebih menekankan kepada penguatkuasaan fakta menyebabkan pelajar akan kurang berminat dan kurang bermotivasi untuk belajar. Oleh itu, adalah menjadi tugas guru atau pensyarah untuk merangsang minat belajar di kalangan pelajar. Aktiviti pengajaran dan pembelajaran perlulah dipelbagaikan supaya dapat menarik minat pelajar. Menurut, Ismail Zain (2002), keberkesanan pengajaran bergantung kepada keupayaan seseorang guru mengintegrasikan aspek pedagogi, psikologi dan teknologi dalam proses penyampaian ilmu.

Masalah di dalam bilik darjah menyebabkan pelajar tidak dapat menerima sepenuhnya maklumat yang disampaikan oleh pengajar. Kadang-kadang terdapat konsep-konsep atau gambaran tertentu yang tidak dapat diperjelaskan oleh pengajar dalam kuliah biasa. Pelajar yang hanya mendengar apa yang diajarkan oleh pengajar mengenai sesuatu benda atau perkara, cenderung untuk mempunyai persepsi dan tanggapan yang salah mengenai sesuatu perkara. Perbezaan keupayaan penerimaan daripada pelajar misalnya terdapat pelajar lemah yang tidak dapat memahami apa yang diajar dengan hanya membaca atau mendengar pengajaran pensyarah. Pensyarah seharusnya sedar akan wujudnya perbezaan individu di kalangan pelajar mereka. Perbezaan yang wujud di kalangan pelajar merupakan satu faktor mengapa sesetengah pelajar tidak dapat menguasai ilmu yang diajar di dalam kelas. Menurut Zaidatul dan Habibah (2000), terdapat tiga faktor yang perlu di pertimbangkan berkaitan dengan perbezaan individu ini iaitu:



- i. Individu berbeza dari segi fizikal, minat, kebolehan, kecenderungan, pengalaman, latar belakang keluarga, sikap dan matlamat.
- ii. Individu belajar mengikut cara sendiri dan kadar kepantasan sendiri. Mereka berbeza dari segi kaedah yang digunakan untuk mendapatkan pengetahuan dan juga darjah kecekapan yang dicapai.
- iii. Pembelajaran setiap individu dipengaruhi oleh minat, pengalaman lalu dan matlamat masa depan.

Di Malaysia, penonton video lebih menggemari filem video bercorak hiburan seperti filem berbanding filem bercorak pendidikan seperti sains fiksyen, dokumentasi, kartun dan sebagainya (Mohamad Md Yusoff, 2000). Filem bercorak dokumentari tidak mendapat perhatian kerana pada pandangan mereka ia kurang menyeronokkan. Keseronokan membawa implikasi pelajar tertarik dan berminat untuk belajar (Ismail Zain, 2002). Perkembangan teknologi dapat mempelbagaikan perkakasan dan perisian dalam sistem penyampaian. Teknologi fotografi yang ada menyebabkan terdapatnya gambar-gambar yang digunakan sebagai satu rujukan, disusuli dengan media elektronik. Media elektronik seperti radio, televisyen, filem, video, VCD, DVD dan multimedia (Ismail Zain, 2002). Perkembangan ini dapat memberi sumbangan dalam pendidikan dan dapat memberi kesan yang positif dalam proses pembelajaran (Ismail Zain, 2002). Justeru, filem video bercorak dokumentari berkaitan dengan sejarah, sosial, ekonomi, pendidikan, saintifik perlu diperbanyakkan di pasaran dalam usaha meningkatkan minat penonton dalam video pendidikan (Mohamad Md Yusoff, 2000).

Mengikut Yusup Hashim pada tahun 1991 (dalam Yusup Hashim, 1998) bagi menilai program media di institusi pendidikan tinggi di Malaysia menunjukkan bahawa pihak pentadbiran universiti dan kolej kurang menitik berat dalam menyediakan program-program media pendidikan yang meliputi kemudahan fizikal dan kakitangan media. Institusi juga kurang dalam membekalkan sumber-sumber media dan perkhidmatan media yang diperlukan oleh fakulti bagi meningkatkan proses pengajaran

dan pembelajaran. Seharusnya, setiap institusi pendidikan terutamanya di peringkat pengajian tinggi mempunyai program media pendidikan yang dapat memberi khidmat media dan kepakaran dalam pembinaan bahan pengajaran.

### 1.3 Penyataan Masalah

Dalam era teknologi komunikasi dan maklumat, pencarian dalam pengajaran dan pembelajaran berasaskan Video Dokumentari Pendidikan semakin popular dan menarik minat pelajar. Persoalannya ialah sejauh manakah pendekatan Video Dokumentari Pendidikan ini dapat diterapkan atau diaplikasikan dalam proses pembelajaran dan pengajaran di Politeknik-politeknik Malaysia?

Video adalah salah satu media pengajaran yang boleh digunakan dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Menurut Ee Ah Meng (1992), bahan yang digunakan untuk pengajaran adalah dianggap sebagai membantu guru dalam proses pengajarannya dan bukannya sebagai pengganti guru. Volmont (1995) juga sependapat dengan pernyataan di atas, di mana beliau menyatakan, walaupun video boleh menjadi alat bantuan mengajar yang terbaik, ia tidak seharusnya terlalu diharapkan untuk menggantikan guru. Berdasarkan kepada pernyataan tersebut, pengkaji bersetuju dengan kedua-dua pandangan itu, tetapi pengkaji berpendapat bahawa penghasilan Video Dokumentari Pendidikan ini amatlah diperlukan kerana pengkaji merasakan bahawa ia dapat memberikan kemudahan kepada pelajar sekiranya kuliah tidak dapat diadakan pada hari tersebut atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan seperti ketidakhadiran pensyarah kerana menghadiri mesyuarat penting, kursus atau seminar dan sebagainya.

Menurut Yusup dan Sharifah (1999) menyatakan bahawa teknologi pengajaran wujud adalah untuk menyelesaikan masalah pengajaran yang akhirnya membantu proses

pembelajaran. Maka, di sinilah terletak rasionalnya bahawa penghasilan Video Dokumentari Pendidikan dapat menggantikan pensyarah, di mana pelajar boleh menggunakannya semasa ataupun selepas waktu kuliah. Dalam Video Pendidikan tersebut, bahan pembelajaran bukan sahaja boleh diakses semasa kuliah, malah boleh diakses selepas waktu kuliah. (Baharuddin *et.al.*, 2000). Ini memberi peluang kepada pelajar untuk membuat ulangkaji walaupun dengan ketiadaan tenaga pengajar.

Selain daripada itu, pengkaji mendapati bahawa kaedah pengajaran kebanyakan pensyarah di Politeknik-politeknik sehingga kini masih menggunakan papan putih dan pen *marker* sebagai alat bahan bantu mengajar (ABBM) mereka. Malah, penggunaan *Overhead Projector (OHP)* juga amatlah terhad. Ini jelas menunjukkan bahawa masih lagi terdapat kekurangan penggunaan alat bahan bantu mengajar (ABBM) dalam membantu proses pengajaran pensyarah dan pembelajaran pelajar di Politeknik. Maka, pengkaji berpendapat bahawa penghasilan Video Dokumentari Pendidikan ini amatlah diperlukan. Menurut Mohamad (2000) video bercorak dokumentari berkaitan dengan sejarah, sosial, ekonomi, pendidikan, saintifik memperihalkan kemajuan dan pencapaian sesebuah negara perlu diperbanyakkan di pasaran dalam usaha menghilangkan imej hiburan video.

Berdasarkan kepada pernyataan di atas, dan atas kesedaran diri, maka pengkaji merasakan bahawa perlu penghasilan Video Dokumentari Pendidikan diperbanyakkan dan diperluaskan lagi penggunaannya di kalangan pensyarah mahupun pelajar di Politeknik dalam usaha menambahkan alat bahan bantu mengajar (ABBM) dan mempelbagaikan lagi kaedah pengajaran.

Ini kerana terdapat konsep-konsep atau gambaran tertentu yang tidak dapat diperjelaskan oleh pengajar dalam kuliah. Pelajar yang hanya mendengar apa yang diperkatakan oleh pengajar dan kadang kala ditunjukkan dengan gambaran statik mengenai sesuatu benda atau perkara, cenderung untuk mempunyai persepsi dan tanggapan yang salah mengenai sesuatu perkara. Maka melalui penghasilan Video Dokumentari Pendidikan ini, diharapkan pelajar akan dapat memahami dengan lebih

jelas maksud yang diterangkan di dalam sesi pengajaran. Melalui pendekatan ini, pelajar juga dapat menjalankan pembelajaran dengan betul dan teratur dengan berpandukan video yang ditayangkan kepada mereka.

#### 1.4 Persoalan Kajian

- (i) Sejauh manakah video dokumentari pendidikan bagi subjek Pencukaian Malaysia 2 yang dihasilkan ini dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar?
- (ii) Sejauh manakah video dokumentari pendidikan bagi subjek Pencukaian Malaysia 2 yang dihasilkan ini dapat memberi kefahaman kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka?


#### 1.5 Objektif Kajian

- (i) Untuk menghasilkan sebuah Video Dokumentari Pendidikan bagi subjek Pencukaian Malaysia 2 yang dapat membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran pelajar.
- (ii) Untuk mengenalpasti Video Dokumentari Pendidikan bagi subjek Pencukaian Malaysia 2 yang telah dihasilkan dapat memberi kefahaman kepada pelajar dalam proses pengajaran dan pembelajaran mereka.

## 1.6 Kerangka Teori

Kajian ini dijalankan setelah masalah utama dikenal pasti iaitu ketiadaan video pembelajaran untuk topik Pencukaian Syarikat dan kurangnya minat pelajar terhadap video bercorak pendidikan berbanding hiburan. Pengkaji mengambil pendekatan daripada masalah ini untuk menghasilkan sebuah video dokumentari pendidikan yang boleh menarik minat dan membantu meningkatkan kefahaman pelajar. Justeru VCD Pencukaian Syarikat yang dihasilkan oleh pengkaji sebagai satu sumbangan untuk mempelbagaikan bahan pengajaran pensyarah dan bahan pembelajaran pelajar. Dua aspek penting dalam pembikinan sesebuah rakaman video iaitu meliputi aspek visual dan audio perlu diberi perhatian oleh pengkaji. Elemen yang terdapat dalam visual termasuk teks, gambar, animasi dan klip video itu sendiri secara umumnya manakala elemen audio termasuk suara latar, muzik latar dan kesan khas. Kerangka utama yang dilihat oleh pengkaji ialah video yang dihasilkan itu menarik minat pelajar dan membantu pelajar memahami subjek Pencukaian Malaysia 2.





Rajah 1.1: Kerangka Teori

### 1.7 Kepentingan Kajian

Usaha untuk menghasilkan sesuatu bahan yang dapat membantu mempelbagaikan dan memperbaiki bahan-bahan pengajaran yang sedia ada seharusnya dilakukan supaya bahan pengajaran dan pembelajaran menarik dan tidak membosankan pelajar. Kajian yang dilakukan oleh Sandholtz.J (1997) mendapati penggunaan teknologi di sekolah boleh mendorong memudahkan pengajaran dan pembelajaran.

Memandangkan VCD ini dihasilkan atas kesedaran untuk menghasilkan satu bahan yang bermakna dan berguna kepada pelajar. Maka pengkaji peka dan sensitif dengan isi kandungan video, kualiti paparan dari segi kesesuaian dengan isi atau kejelasan gambar atau ilustrasi yang dipaparkan serta audio yang menarik dan bersesuaian. Justeru kajian ini dilakukan untuk memastikan video yang dihasilkan pengkaji benar-benar sesuai dan boleh digunakan oleh pelajar dengan mengambilkira maklumbalas yang diberikan oleh responden mengenai aspek kekuatan dan kelemahan VCD yang dihasilkan. VCD yang dihasilkan ini diharap boleh digunakan oleh golongan akademik.

### 1.8 Batasan Kajian

Kajian ini hanya tertumpu kepada pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah Jitra, Kedah yang mengikuti pengajian Diploma Akauntansi Semester 6 yang mengambil subjek Pencukaian Malaysia 2. Kajian menilai dari sudut keberkesanan video dalam meningkatkan minat dan kefahaman pelajar dengan mengambilkira kesesuaian unsur-unsur audio dan visual termasuk penggunaan teks, gambar dan klip video yang terdapat dalam video yang dihasilkan.

### 1.9 Definisi Istilah

Terdapat beberapa istilah yang digunakan dalam penulisan kajian ini yang mempunyai makna tertentu seperti dinyatakan. Istilah-istilah tersebut ialah:

i Video Pendidikan

Dalam kajian yang akan dilakukan ini, video pendidikan merujuk kepada suatu produk yang dipaparkan pada skrin televisyen yang digunakan sebagai alat bahan bantu mengajar. Video menggabungkan audio, visual, teks, gambar-gambar yang diberi kesan khas (*effect*) dan klip video.

ii Penghasilan

Penghasilan adalah perihal usaha menghasilkan atau mengeluarkan sesuatu Noresah Baharom (1993). Dalam kajian ini, penghasilan merujuk kepada usaha menghasilkan sebuah VCD mengenai tajuk Insentif Pelaburan Di Malaysia bagi kegunaan pelajar yang mengikuti kursus Pencukaaian Malaysia 2 di Politeknik.

iii Pengajaran Berbantuan Komputer (PBK)

Menurut Zaidatun dan Ya Sao Wen (2000), pengajaran berbantuan komputer merupakan proses pengajaran dan pembelajaran yang berasaskan komputer. Dalam konteks ini, komputer digunakan untuk menyampaikan maklumat, membimbing, melatih dan menilai prestasi pelajar samada kesemuanya sekali atau sebahagiannya sahaja dan menjadikan pembelajaran lebih diminati .



## RUJUKAN

Ahmad Mahdzan Ayob (2000). *Kaedah Penyelidikan Sains Sosial -- Pengumpulan Data*. Sintok: Universiti Utara Malaysia.

Alias Baba (1999). *Statistik Penyelidikan dalam Pendidikan dan Sains Sosial*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

Azlida Ahmad (2000). *Merekabentuk Perisian Multimedia: 10 Elemen Utama Human Interface.* *Wawasan*. 2. 15-22.

Baharuddin, *et al.* (2000). *Siri Modul Pembelajaran Teknologi Pendidikan*. Johor Bharu: Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia.

Best, J. W. and Kahn, J. V. (1998). *Research in Educations.* 8<sup>th</sup> ed. United States of America: Allyn and Bacon.

Borg, W. R. and Gall, M. D. (1983). *Educational Research: An Introduction.* New York: Logman, Inc.

Clark, R. E. (1996). Media and Learning In Plomp, T and Ely D.P. (ed). *International Enclopedia of Educational Technology* (2<sup>nd</sup> ed.) Cambridge: Pergamon.

Ee Ah Meng (1999). *Pendidikan di Malaysia I: Falsafah Pendidikan, Guru dan Sekolah.* (edisi kedua). Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

- Ee Ah Meng (1992). *Pedagogi - Satu Pengenalan*. (edisi ketiga). Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Ismail Adnan.(1994). *Komputer dalam Pendidikan*. *Berita Kurikulum* Jilid 7. bil. 1 : Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Ismail Zain (2002). "Pendidikan Bertaraf Dunia: Ke Arah Pembestarian Dalam Proses Pengajaran dan Pembelajaran."  
[http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/pendidikan\\_bertaraf\\_dunia1.htm](http://www.tutor.com.my/tutor/motivasi/artikel/pendidikan_bertaraf_dunia1.htm)
- Jeyapalan Kasipillai & Mustafa Mohd. Hanefah (1998). *Pencukaaian Malaysia: Pentadbiran, Penaksiran dan Pematuhan Cukai*. Serdang: Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Mohamad Najib Abdul Ghaffar (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohd. Majid Konting (2000). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohd. Sheffie Abu Bakar (1995). *Metodologi Penyelidikan*. (edisi kedua). Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Muhammad Zaki Ab. Muluk (2000). *Tahap Pengetahuan dan Penggunaan Internet dalam Mencari Maklumat di Kalangan Pelajar Tahun Satu Diploma Kejuruteraan di ITTHO*. Institut Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan.
- Noresah Baharom (1993). *Kamus Dewan Edisi Baru*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Norliza Mohamed Piah (2001). *Siri Modul Pembelajaran, Modul Asas Rakaman Video*. Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn: Kajian Kes Sarjana Pendidikan
- Salkind, N.J. (2000). *Exploring Research (4<sup>th</sup> Ed.)*. New Jersey: Prentice Hall.
- Samihah *et. al.* (2000). *Pencukaian Lanjutan & Terkhusus Di Malaysia*. Sintok. Universiti Utara Malaysia.
- Sandholtz, J. (1997). *Teaching With Technology*. New York: Colombia University.
- Slavin, R.E. (1992). *Research Methods In Education. (2<sup>nd</sup> Ed.)*. USA: Allyn and Bacon.
- Tomalin, C. (1986). *Video, TV & Radio In The English Class*. London: Macmillan Publisher Ltd.
- Vierra, A., Pollock, J. & Golez, F. (1998). *Reading Educational Research. (3<sup>rd</sup> Ed.)* Ohio: Prentice Hall.
- Volmont, W.J. (1995). *Creating Video for School Use*. Massachusetts: Allyn and Bacon.
- Yusup Hashim (1998). *Teknologi Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Yusup Hashim (2002). *Teknologi Pengajaran*. Shah Alam: Penerbit Fajar Bakti.
- Yusup Hashim & Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). *Pendidikan Jarak Jauh: Teori dan Amalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- <http://members.tripod.com/~SHAFFE/gunatv.htm> (Akses: 21 Disember 2002). "Prinsip Penggunaan TV/Vidco dalam Pengajaran Pembelajaran.